

Bekalan disediakan AKSB sering terganggu di lima kampung

Terpaksa guna air tercemar



Oleh YATIMIN ABDULLAH
utusankelantan@utusan.com.my

TUMPAT 19 April - Lebih 1,000 penduduk dari lima buah kampung di sini terpaksa menggunakan pelbagai sumber termasuk air parit yang tercemar disebabkan bekalan air bersih disediakan Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) sering terganggu.

Kampung terlibat adalah Kubang Sawo, Tualang, Bendang Pak Yong, Kuala Jambu dan Naga Ibu. Semua kampung itu terletak berhampiran Sungai Golok.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan terbabit mendapati, penduduk kampung berkenaan terpaksa menggunakan air Sungai Golok dan parit yang tercemar untuk mendapatkan bekalan air bagi kegunaan harian sejak tiga tahun lalu.

Seorang penduduk Kampung Kuala Jambu, **Che Harun Salleh**, 51, berkata, dia tiada pilihan lain untuk mendapatkan bekalan air kerana kawasan tersebut tidak sesuai dibina telaga boring.

"Walaupun air di parit ini agak keruh, disebabkan tiada pilihan saya terpaksa menggunakannya juga. Masalah ini bukan melibatkan saya seorang, tetapi semua penduduk di Kampung Kuala Jambu ini.

Bagi penyelesaian sementara masalah ini, AKSB berjanji akan membina dua tangki besar untuk menampung keperluan penduduk tetapi sehingga hari ini ia tidak dibina

AHMAD AWANG

"Untuk minum dan memasak, saya terpaksa mengangkut lebih 12 liter air setiap hari dari masjid yang terletak kira-kira 500 meter dari rumah," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Sementara itu, seorang peniaga makanan dari Kampung Naga Ibu, **Mahani Hussain** memberitahu, masalah bekalan air tersebut menjejaskan pendapatan hariannya.

Menurutnya, walaupun beberapa langkah telah diambil oleh pihak berkenaan termasuk meletakkan tangki di kampung tersebut, ia tidak banyak membantu menyelesaikan masalah.

"Seperti di kampung-kampung lain, kami terpaksa mencari alternatif mendapatkan sumber air termasuk Sungai Golok yang terletak di belakang rumah untuk mandi dan mencuci pakaian.

"Bekalan air bersih hanya digunakan untuk dijadikan sebagai minuman. Masalah ini berlaku

disebabkan tekanan air yang terlalu rendah sehingga tidak mampu untuk menampung jumlah pengguna yang terlalu banyak," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, **Ahmad Awang**, 42, berkata, pihaknya telah beberapa kali membuat aduan kepada AKSB tetapi masalah tersebut masih tidak dapat diselesaikan.

"AKSB memberitahu ia berpunca daripada masalah paip terlalu uzur dan sekiranya tekanan air ditingkatkan, paip tersebut akan pecah.

"Bagi penyelesaian sementara masalah ini, AKSB berjanji akan membina dua tangki besar untuk menampung keperluan penduduk tetapi sehingga hari ini ia tidak dibina," katanya.

Katanya, kesemua penduduk kampung merayu kerajaan Pas Kelantan dan AKSB supaya menyelesaikan masalah itu secepat mungkin.

CHE Harun Salleh (kanan) menggunakan air dari parit untuk kegunaan harian seperti mandi dan membasuh pakaian di Kampung Kuala Jambu, Tumpat, Kelantan, semalam. - BERNAMA